

08/07/2003

Putrajaya kini `Venice Malaysia`

Fazli Abdullah

ANDA tidak perlu ke Venice, Itali untuk merasai pengalaman menaiki gondola

dan menikmati keindahan struktur buatan manusia. Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan bakal menjadi `Venice Malaysia`.

Rakyat negara ini berpeluang menerokai keindahan dan kecantikan sebenar

Putrajaya, terutama menjelang senja, keindahan dan kecantikan bangunan, jambatan, landskap, bentuk muka bumi, kerlipan lampu, kebersihan air Tasik

Putrajaya, dengan menyusuri tasik buatan manusia yang terbesar di negara ini.

Jika bernasib baik (bergantung kepada cuaca), pengunjung juga berpeluang

menyaksikan keindahan matahari terbenam dengan kilauan cahaya keemasannya

di permukaan tasik, yang berlatar belakang Jambatan Seri Wawasan, satu-satunya jambatan yang berbentuk layar kapal.

Kehebatan pengembaraan di tasik seluas kira-kira 600 hektar itu pasti menjadi sebutan apabila itu Perbadanan Putrajaya memulakan kemudahan pengangkutan air mulai bulan depan.

Sebagai permulaan, dua kapal dan 10 gondola akan beroperasi bagi membolehkan pengunjung belayar dan menyusuri Tasik Putrajaya. Ia dijangka

dilancarkan menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang mana Putrajaya akan menjadi tuan rumah sambutan tahun ini.

Ketika ini, aktiviti air di Tasik Putrajaya terhad kepada acara tertentu

seperti kenu dan kayak apabila berlangsungnya majlis rasmi seperti hari keluarga atau sambutan ulang tahun Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya. Aktiviti juga terhad sekitar Kelab Tasik Putrajaya dan Taman Botani.

Mengikut perancangan, syarikat yang mengendalikan perkhidmatan pengangkutan air di Tasik Putrajaya akan menawarkan tiga jenis pengangkutan air.

Pertama, sebuah kapal yang mempunyai kapasiti 78 penumpang dengan masa pelayaran kira-kira dua jam. Penumpang akan dibawa mengelilingi pulau utama yang menempatkan beberapa bangunan seperti Kementerian Kewangan, Wisma Putra dan Kompleks Mahkamah.

Apa yang menarik, penumpang akan disediakan hidangan sepanjang pelayaran dengan bayaran antara RM130 hingga RM200, bergantung kepada menu hidangan.

Kedua, sebuah kapal peranginan yang boleh membawa 48 penumpang dengan masa pelayaran kira-kira 45 minit. Oleh kerana ia tidak menyediakan makanan, penumpang hanya dikenakan tambang kira-kira RM30.

Ketiga, gondola yang boleh membawa antara empat dan enam penumpang untuk menyusuri tasik selama kira-kira 20 minit dengan tambang RM20 bagi dewasa

dan RM12 (kanak-kanak). Ia direka khas oleh seorang pengusaha di Terengganu, dengan ukiran tradisional.

Berbanding kapal yang mengelilingi hampir keseluruhan Putrajaya, gondola hanya menyusuri tasik dari pangkalan hingga ke Taman Botani, yang terletak bersebelahan kediaman rasmi Perdana Menteri, Kompleks Seri Perdana.

Semua pengangkutan air itu berpangkalan di bawah Boulevard, iaitu berhampiran Selera Putra. Ketika ini, kerja mengubah suai ruang pejabat dan kaunter tiket sedang dijalankan.

Perkhidmatan itu akan beroperasi tujuh hari seminggu, dari jam 10 pagi hingga 6 petang bagi gondola dan 11 pagi hingga 7 malam bagi kapal peranginan.

Pengurus Operasi Betara Cemara Sdn Bhd, Eric Chong, berkata pihaknya berusaha membuat persediaan untuk memastikan perkhidmatan pengangkutan air yang dirancangkan berjalan lancar.

Ketika ini, syarikat itu yang mempunyai 43 kakitangan sudah menempatkan 10 gondola di Tasik Putrajaya, manakala kapal sedang di peringkat akhir pembinaan di Limbongan Batu Maung.

Sebagai percubaan, enam gondola menawarkan perkhidmatan kepada pengunjung Tasik Putrajaya sempena Hari Keluarga Ahli Kelab Tasik Putrajaya, minggu lalu. Kira-kira 200 orang berpeluang menyusuri tasik itu dengan bayaran RM10 bagi dewasa dan RM6 bagi kanak-kanak.

Chong yang belum dapat memberikan tarikh sebenar perkhidmatan itu akan beroperasi, berkata pihaknya bercadang mengadakan promosi dengan mengenakan tambang yang murah selama dua bulan selepas pelancarannya.

"Kami yakin perkhidmatan pengangkutan air di Tasik Putrajaya akan mendapat sambutan menggalakkan kerana ia memberikan pengalaman indah kepada mereka yang menggunakannya," katanya ketika ditemui di Kelab Tasik Putrajaya di sini, baru-baru ini.

Beberapa pengunjung Tasik Putrajaya yang ditemui, menyambut baik keputusan Perbadanan Putrajaya menyediakan perkhidmatan pengangkutan air di tasik, sekali gus menambah produk pelancongan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Seorang guru dari Kepong, Selangor, Faridah Mohamad, berkata pengenalan pengangkutan air itu adalah langkah bijak bagi menyahut usaha kerajaan untuk memperkenalkan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan baru, bukan saja di kalangan rakyat tetapi pelancong asing.

Beliau bersama lima anaknya yang menyusuri tasik dengan menaiki gondola, berkata perkhidmatan itu juga memberikan lebih banyak pilihan kepada orang ramai terutama warga kota untuk beriadah bersama keluarga.

"Orang ramai berpeluang menyaksikan keindahan Putrajaya dan ia mungkin dapat dijadikan kenangan sebagaimana kunjungan mereka ke Venice, Itali," katanya yang berbangga dapat mencuba perkhidmatan gondola.

Naib Presiden (Jabatan Pinjaman Perumahan) Bank of Tokyo, Abd Aziz Lumat, yang mencuba perkhidmatan itu, turut bangga kerana gondola yang dibuat daripada kayu, turut mengekalkan ukiran tradisional.

"Selain menikmati suasana yang nyaman dan indah, pengunjung juga berpeluang melihat kehebatan ukiran tradisional Melayu," katanya.

Beliau yakin Tasik Putrajaya akan menjadi pusat pelancong terkenal pada masa depan dan berharap orang ramai dapat menilai sumbangan dan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, membina kota pentadbiran yang baru di Putrajaya.

Apabila perkhidmatan pengangkutan air beroperasi sepenuhnya, Putrajaya yang semakin dikenali akan dicatatkan dalam peta pelancongan dunia sebagai satu lagi destinasi pelancongan air yang terkenal, mungkin sehebat kota Venice, Itali.